

Headline	Kerajaan Terengganu tandatangani projek Waste To Wealth		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	36
ArticleSize	384 cm <sup>2</sup>	Journalist	NUR NAZLINA
PR Value	RM 22,977		



# Kerajaan Terengganu tandatangani projek *Waste To Wealth* RM280j

**NUR NAZLINA NADZARI**  
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 30 Nov.** - Kerajaan Negeri Terengganu menandatangani perjanjian pembangunan projek *Waste To Wealth* atau sisa kepada kekayaan dengan Mercu RESolution Sdn. Bhd. dengan pelaburan sebanyak RM280 juta yang dijangka dibangunkan awal tahun depan.

Projek yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara itu melibatkan RM240 juta pelaburan untuk pembinaan loji tersebut dan RM40 juta untuk perniagaan hiliran.

Menteri Besar Terengganu, Ahmad Razif Abd. Rahman berkata, projek teknologi hijau mesra alam yang akan dibangunkan di tapak pelupusan sampah Sungai Ikan tersebut akan melibatkan pemrosesan sisa-sisa perbandaran menggunakan teknologi dari Denmark yang dikenali sebagai 'REnescience'.

Katanya, melalui teknologi REnescience, sisa-sisa sampah Majlis Bandaraya Kuala Tereng-

ganu (MBKT) yang berjumlah antara 400 hingga 450 tan metrik setiap hari akan diproses dan dijadikan bahan-bahan yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi seperti bio methane yang boleh menjana tenaga elektrik.

"Pelabur telah membuat kajian terperinci dan mendapati sisa-sisa perbandaran di Kuala Terengganu berupaya menghasilkan lima megawatt (mW) tenaga elektrik yang akan dijual kepada Tenaga Nasional Bhd. (TNB)

"Pelaburan ini dijangka mewujudkan kira-kira 100 peluang pekerjaan baharu di Terengganu dan berupaya melahirkan usahawan-usahawan dalam industri kitar semula. Projek ini juga dijangka akan menjana RM236 juta kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri tersebut menjelang 2020," katanya pada majlis menandatangani perjanjian tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Duta Denmark ke Malaysia, Nicolai Ruge dan Ketua Pegawai Eksekutif Mercu RESolution, Ir. Moham-

ad Adan Yusof.

Melalui perjanjian terbit, kerajaan negeri bersetuju untuk memberi konsesi pemrosesan sisa buangan MBKT kepada Mercu RESolution selama 25 tahun.

Sementara itu, Ahmad Razif berkata, bahan-bahan bukan organik seperti plastik daripada sisa sampah akan diproses semula dan boleh menghasilkan 40,000 liter diesel sehari selain boleh diproses untuk menghasilkan resin yang akan menjadi bahan mentah bagi penghasilan produk plastik.

"Penggunaan teknologi REnescience juga dapat memanjangkan jangka hayat tapak-tapak pelupusan sampah. Melalui teknologi ini, hanya 10 peratus sahaja sisa perbandaran akan dilupuskan di tapak pelupusan," jelasnya.

Tambah beliau, projek seumpama ini berjaya dilaksanakan di negara Eropah termasuklah Denmark dan sebuah loji yang sama sedang dibina di Manchester, United Kingdom dan akan beroperasi pada 2017.



**AHMAD RAZIF ABDUL RAHMAN** (tiga dari kiri) bergambar sebelum majlis menandatangani perjanjian pembangunan pelaksanaan projek *Waste To Wealth* bersama dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Wan Nawawi Wan Ismail (kiri), Mohamad Adan Yusof (kanan) dan Nicolai Ruge (dua dari kiri) di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA